

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI
MOHD FAKEH [SABAK BERNAM]**

NO. SOALAN : 287

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan langkah Kementerian bagi membela penduduk luar bandar khususnya bagi meningkatkan kualiti kehidupan dan meningkatkan pendapatan dan jaringan sosial kepada penduduk luar bandar.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian masih lagi memainkan peranan yang penting dalam pembangunan kawasan luar bandar. Program-program di bawah Kementerian masih lagi memberi fokus kepada penyediaan infrastruktur luar bandar di Sabah dan Sarawak seperti Projek Jalan Luar Bandar, Bekalan Air dan Elektrik Luar Bandar, Jalan Perhubungan Desa serta Pembinaan Rumah PPRT.

Kementerian juga bertanggungjawab dalam pelaksanaan program-program pembangunan ekonomi luar bandar yang melibatkan pembangunan usahawan, pembiayaan dan modal insan seperti Program Wanita Inspirasi Ekonomi (WISE) di bawah MARA, Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK), dan Program Peningkatan Pendapatan (PPP).

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Kementerian telah melancarkan Pelan Harapan Pembangunan Luar Bandar pada 29

Oktober 2018 yang bertemakan 'Luar Bandar Sejahtera'. Pelan ini merupakan perancangan dan hala tuju pembangunan luar bandar bagi 5 tahun yang akan datang iaitu 2018 hingga 2023 berdasarkan aspirasi rakyat seperti mana yang terkandung dalam Manifesto Pakatan Harapan. Pelan ini meliputi 6 Teras iaitu:

- 1) Prasarana yang lengkap dan berkualiti;
- 2) Ekonomi luar bandar yang berdaya saing;
- 3) Keusahawanan yang melibatkan pemerksaan usahawan luar bandar dan mewujudkan sumber pendapatan alternatif;
- 4) Modal Insan bagi melahirkan masyarakat luar bandar yang berilmu, mahir dan cemerlang;
- 5) Memperkasakan Wanita luar bandar; dan
- 6) Sistem Penyampaian yang mengutamakan keperluan rakyat.

6 Teras ini meliputi 29 Strategi dan 94 Program yang akan dilaksanakan bagi memenuhi hasrat dan aspirasi tema 'Luar Bandar Sejahtera' tersebut.

Di bawah Pelan Harapan Pembangunan Luar Bandar ini juga, Kementerian akan memberi tumpuan untuk membangunkan 28 daerah di Malaysia dengan purata pendapatan bulanan terendah.

Sehubungan dengan itu, Kementerian berkeyakinan bahawa pelaksanaan segala perancangan dan program di bawah Pelan Harapan Pembangunan Luar Bandar ini akan dapat menaik taraf dan meningkatkan kualiti hidup masyarakat luar Bandar dengan memenuhi keperluan sosioekonomi, fizikal, rohani dan sahsiah.

Selain itu, Kementerian juga dalam proses untuk memuktamadkan Dasar Pembangunan Luar Bandar 2030 yang akan menjadi dasar utama pembangunan luar bandar secara holistik yang merangkumi segala aspek kehidupan masyarakat di luar bandar.